

30 murid SK Pekan Dua pelajari Photoshop dan Poster

UG A. 11. 2017 B3

SERAMAI 30 murid Tahun 5 dan 6 Sekolah Kebangsaan Pekan Dua telah mengikuti Bengkel Photoshop dan Poster pada program E-Komuniti Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Makmal FKI, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Ahad.

Rombongan sekolah itu diketuai Rosazilinda Aziz dan guru Matematik Syed Alwi Said Mohammad bersama tujuh murid Tahun 5 dan 23 murid Tahun Enam.

Rosazilinda yang mewakili Guru Besar Jaafar Matusin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada FKI kerana memberi ruang dan peluang kepada murid SK Pekan Dua untuk mempelajari sesuatu yang baharu sekaligus satu pengalaman yang berguna buat mereka.



NUR NADIA

Sementara itu, murid Tahun 6 Berlian, Nur Nadia Kamsul berharap menerusi program berkenaan, dia akan dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi untuk membantu rakan dan guru serta sekolah.

“Tentu sekali saya bersama rakan mendapat pengetahuan dan pengalaman yang baharu



AMIR ARSHAD

dan berguna pada masa akan datang,” katanya.

Rakannya, Amir Arshad Azmi juga yakin bengkel sehari itu akan menambah ilmu IT kepada murid SK Pekan Dua yang akan memberi manfaat kepada sekolah berkenaan.

“Kami amat gembira kerana dipilih oleh guru besar mengikuti bengkel ini. Ruang dan peluang itu

akan kami gunakan untuk manfaat bersama,” katanya.

Menurut Penyelia Program Nona Masnie Mohd Nistah, program itu bertujuan merapatkan jurang fakulti dengan murid-murid di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau yang juga pensyarah FKI mahu masyarakat luar khususnya murid sekolah rendah mengetahui peranan dan sumbangan fakulti kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

“Pelajar Tahun Empat FKI mengendalikankan bengkel selama sehari itu untuk murid SK Pekan Dua mengetahui serba sedikit cara photoshop dan poster,” katanya.

Program E-Komuniti dikendalikan pensyarah FKI, Wan Nooraishya Wan Ahmad.

Nona Masnie berkata FKI mahu membudayakan



MURID SK Pekan Dua yang mengikuti Bengkel Photoshop dan Poster.

Teknologi Maklumat (IT) kepada murid sekolah rendah sekaligus mahu mereka meneruskan pengetahuan itu hingga ke sekolah menengah.

FKI ditubuhkan pada 1 Jun 2014 melalui penggabungan sains komputer dan program teknologi maklumat dari dua sekolah, Sekolah Labuan Sains Informatik (LSIS) dan Sekolah

Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Berikutan penggabungan itu, FKI mempunyai dua kampus, satu di Kota Kinabalu dan satu lagi di Labuan yang diterajui Dekan FKI Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

FKI telah melabur untuk mendapatkan kemudahan dan peralatan bagi menyokong pengajaran dan penyelidikan.

Ia membolehkan pelajar meletakkan konsep teori dalam amalan melalui pelbagai kemudahan teknologi.

Pengetahuan yang diperolehi daripada aktiviti penyelidikan disalurkan terus ke dalam ijazah dan program ijazah lanjutan.

FKI sentiasa memastikan kurikulum mengambil kira teknologi baharu, trend industri dan kaedah.